

BERITA HARIAN – 23 FEBRUARI 2019

Feri Pulau Pinang masih takuk lama

Ms.68



→ UTARA



Kita mahu Prasarana buat kaji selidik orang ramai, terutama

pengguna pengangkutan ini untuk mendapatkan pandangan jenis penambahbaikan yang perlu diberi keutamaan”

SM Mohamed Idris,
Presiden CAP



Selama 11 tahun menjadi pengguna pengangkutan itu, saya kecewa tiada

penambahbaikan ketara dilakukan. Ada kalanya saya terpaksa menunggu sehingga satu jam untuk menaiki feri”

Helen Yap,
Pekerja swasta



Menggunakan feri menjimatkan petrol, namun saya berharap

pengurusan feri dapat lakukan sesuatu supaya pengguna tidak menunggu lama. Kami buang masa menunggu lama naik feri”

Mohd Idris Noh,
Peniaga



Perkhidmatan feri penting bagi penduduk Pulau Pinang walaupun

ada Jambatan Pulau Pinang. Buat penambahbaikan, mungkin boleh tambah feri supaya tidak perlu tunggu lama”

Lee Hong Seng,
Penduduk

FERI PULAU PINANG

Pengurusan baharu, servis macam dahulu

→ Pengguna gesa penambahbaikan dilaksana naik taraf ikon pelancongan

Oleh Siti Sofia Md Nasir
siti.sofia@bh.com.my

► Georgetown

Perkhidmatan feri Pulau Pinang di bawah pengurusan baharu perlu dipertingkatkan, bukan sahaja untuk kemudahan orang ramai yang berulang alik menggunakan pengangkutan itu setiap hari, tetapi juga bagi kepentingan sektor pelancongan negeri ini.

Selepas anak syarikat Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), Rapid Ferry Sdn Bhd (Rapid Ferry), mengambil alih perkhidmatan berusia lebih 100 tahun daripada Penang Port Sdn Bhd (Penang Port) pada 1 Mei tahun lalu, tidak banyak perubahan dilakukan.

Malah, ada pengguna mendakwa perkhidmatan feri masih di takula lama, penumpang masih di belunggu masalah terpaksa menunggu lama untuk menaiki feri. Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), SM Mohamed Idris, berharap pengendali baharu itu menaikkan semula imej pengangkutan awam, yang menjadi ikon dan kebanggaan rakyat.

Katanya, Prasarana melalui anak syarikatnya bertanggungjawab untuk mengembalikan kepercayaan pengguna terhadap pengangkutan alternatif itu.

“Ada pengguna dan pelancong mendakwa perjalanan dari Butterworth ke Kuala Lumpur lebih lancar berbanding feri.

“Ini agak memalukan memandangkan feri antara ikon pelancongan di negeri ini,” katanya kepada BH.

SM Mohamed mahu Rapid Ferry menambah baik perkhidmatan dari aspek pematihan jadual perjalanan dan meningkatkan kekeperluan feri, sekali gus dapat mengurangkan tempoh menunggu terutama waktu puncak.

Kaji selidik pengguna

“Kita juga mahu Prasarana membuat kaji selidik orang ramai, terutama pengguna pengangkutan ini untuk mendapatkan pandangan jenis penambahbaikan yang perlu diberi keutamaan,” katanya.

Sementara itu, tinjauan mendapati kebanyakan pengguna mengadu terpaksa menunggu lama, malah mencecah satu jam pada waktu puncak, selain pemandu kenderaan berhadapan kesesakan trafik luar biasa disebabkan laluan yang terhalang akibat kenderaan berat di jeti untuk menaiki feri.

Kesesakan di laluan menuju Pangkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth pada sebelah pagi dan Pangkalan Raja Tun Uda di sini, pada sebelah petang, terpaksa di lalui pengguna pengangkutan itu setiap hari.

Kesesakan di laluan berhampiran pangkalan akan lebih kritikal jika berlaku kemalangan di atas Jambatan Pulau Pinang, kerana pemandu akan menggunakan perkhidmatan feri untuk mengelak melalui jambatan.



Kesesakan sering berlaku di Pangkalan Raja Tun Uda, Georgetown, pada sebelah petang apabila orang ramai berpusu-pusu menggunakan perkhidmatan feri.

Tinjauan BH mendapati hanya empat feri yang beroperasi pada Isnin hingga Jumaat, manakala tiga feri diperuntukkan pada cuti hujung minggu.

Jumlah itu berkurangan berbanding lapan feri yang beroperasi sebelum diambil alih oleh Prasarana. Difahamkan, keputusan itu susulan operasi feri sebelum ini yang sering mencatatkan kerugian, berikutan terpaksa menanggung kos bahan api yang tinggi bagi mengekalkan kadar tambang semasa.

Pekerja swasta, Helen Yap, 31, berkata beliau sudah menggunakan perkhidmatan feri sejak 2008, untuk berulang alik dari rumahnya di Butterworth ke tempat kerja di bandar raya ini.

Selama 11 tahun menjadi pengguna tetap pengangkutan itu dakwanya, beliau kecewa kerana tiada penambahbaikan ketara dilakukan untuk memberi keselesaan kepada pengguna.

“Ada kalanya saya terpaksa menunggu sehingga satu jam untuk menaiki feri,” katanya.

Peniaga, Mohd Idris Noh, 43, berkata beliau memilih perkhidmatan feri berbanding menggunakan Jambatan Pulau Pinang, kerana lebih dekat ke bandar raya ini.

“Menggunakan feri menjimatkan petrol, namun saya berharap pengurusan feri dapat melakukan sesuatu supaya pengguna tidak menunggu lama.

“Kami membuang masa begitu sahaja kerana menunggu lama untuk menaiki feri,” katanya.

Info

Perkhidmatan feri Pulau Pinang

→ Menghubungkan Butterworth dan Pelabuhan Quay di Georgetown.

→ Perjalanan mengambil masa 15 hingga 20 minit.

→ Menyerangi selat 3.2 kilometer.

→ Bermula sejak 1894 oleh seorang pengusaha persendirian, Quah Beng Kee.

→ Perkhidmatan mengangkut kenderaan berat bermula pada Disember 1924.

→ Operasi bermula pada jam 5.20 pagi hingga 12.40 malam.

→ Tambang feri ialah RM7.70 bagi kereta, RM2 bagi motosikal, dan RM1.20 bagi pejalan kaki.

→ Kali terakhir tambang feri disemak adalah pada 2005.

→ Tambang feri hanya dikenakan ke atas pengguna dari Pangkalan Sultan Abdul Halim.

→ Enam feri masih beroperasi iaitu Pulau Talang Talang, Pulau Undan, Pulau Anaga, Pulau Kapas, Pulau Payar dan Pulau Pinang.

→ Feri tertua adalah Pulau Talang Talang dan Pulau Undan dibina pada 1975, manakala

terbaru Pulau Payar dan Pulau Pinang yang dibina pada 2002.

[FOTO SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL/BH]

Lee Hong Seng, 53, berkata perkhidmatan feri sangat penting bagi penduduk Pulau Pinang walaupun ada Jambatan Pulau Pinang.

“Buat penambahbaikan perkhidmatan feri dan mungkin juga boleh tambah jumlah feri supaya orang ramai tidak perlu menunggu lama. Untuk tujuan penambahbaikan, perancangan teliti perlu diadakan seperti penyediaan bas dari jeti ke destinasi terpilih di Butterworth dan Georgetown,” katanya.

Dalam pada itu, jurucakap Rapid Ferry berkata, pihaknya mengutamakan kualiti perkhidmatan dan ketepatan masa bagi perkhidmatan yang disediakan.

Katanya, pada hari biasa pihaknya menyediakan 54 trip, manakala pada hujung minggu dan cuti umum 50 trip dengan frekuensi setiap 20 minit.

95 peratus ketepatan trip

“Rapid Ferry kini mencapai 95 peratus ketepatan trip semenjak pengambilalihan perkhidmatan feri sejak Mei lalu,” katanya.

Jurucakap Rapid Ferry meminta pengguna berkenderaan menyemak Paparan Status Feri di Pangkalan Raja Tun Uda, sebelum berangkat menaiki feri.

“Feri akan berlepas dalam masa enam minit daripada jadual pelepasan, kecuali ada perkara tidak dapat dielakkan,” katanya yang menasihati pengguna merancang perjalanan mengikut jadual feri yang turut disiarkan di laman sosial Rapid Ferry.